

Abdullah doakan kesihatan Dr. M

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mendoakan kesihatan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan memberi jaminan kerajaan akan menyediakan segala kemudahan rawatan bekas Perdana Menteri itu.

"Kerajaan bertanggungjawab memberi segala kemudahan dalam proses rawatan negarawan kita itu," katanya dalam ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Perdana Menteri turut mengajak ahli UMNO sama-sama memohon doa ke hadrat Ilahi semoga Dr. Mahathir dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali serta ahli keluarganya mendapat ketenangan dan kekuatan dalam menghadapi proses rawatan beliau.

Dr. Mahathir dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) pada awal pagi 9 November lalu kerana mengalami serangan jantung ringan.

Beliau dibenarkan pulang pada 5.30 petang semalam setelah dirawat selama enam hari. Bagaimanapun, doktor yang merawatnya menasihatkan beliau supaya berehat sekurang-kurangnya tiga minggu.

Dr. Mahathir dalam satu kenyataan hari ini memohon maaf kepada para perwakilan UMNO kerana tidak dapat menghadiri perhimpunan agung kali ini seperti yang dijanjikan.

"Saya minta maaf kerana tidak dapat bersama. Saya berdoa mudah-mudahan Allah s.w.t membuka hati kita semua, memberi hidayah dan petunjuk supaya mengorbankan segala-gala demi kesejah-

teraan agama, bangsa dan negara," kata beliau yang mempunyai nombor keahlian UMNO 0000001.

Bagaimanapun Dr. Siti Hasmah hadir pada perhimpunan itu hari ini. —